

باب الدليل على صحة إسلام من حضره الموت ما لم يشترع في التزنع

*Bab Dalil Tentang Sahnya Islam Orang Yang Hampir Mati Selagi Dia Tidak Berada Dalam Keadaan Naza*⁹⁵

٢٢- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ لَمَّا حَضَرَتْ أَبَا طَالِبٍ الْوَفَاةُ جَاءَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدَ عِنْدَهُ أَبَا جَهْلٍ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي أُمَيَّةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا عَمَّ قُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ كَلِمَةً أَشْهَدُ لَكَ بِهَا عِنْدَ اللَّهِ فَقَالَ أَبُو جَهْلٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أُمَيَّةَ يَا أَبَا طَالِبٍ أَتَرَعُبُ عَنْ مِلَّةِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَلَمْ يَزَلْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْرِضُهَا عَلَيْهِ وَيُعِيدَانِ لَهُ تِلْكَ الْمَقَالَةَ حَتَّى قَالَ أَبُو طَالِبٍ آخِرَ مَا كَلَّمَهُمْ هُوَ عَلَى مِلَّةِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ وَأَبَى أَنْ يَقُولَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا وَاللَّهِ لَا أَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ مَا لَمْ أَتُكِّرْ عَنْكَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ {مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ

⁹⁵ Ini ialah sebahagian daripada tajuk bab yang dibuat an-Nawawi. Tajuk bab selengkapnya adalah sambungan kepada tajuk bab yang tersebut di atas, iaitu: وهو الغرغرة ونسخ جواز الاستغفار للمشركين والدليل على أن من مات على الشرك فهو من أصحاب الجحيم ولا يُنقذه من ذلك شيء من الوسائل As-Sanusi (Muhammad bin Yusuf bin 'Umar bin Syu'aib al-Hasani as-Sanusi m. 895H) juga menggunakan tajuk bab yang sama. Tajuk bab yang dibuat al-Ubbi (al-Imam Abu 'Abdillah Muhammad bin Khalifah al-Ubbi al-Maliki m.877H) di sini ialah وفاة أبي طالب (Bab Kematian Abi Thalib). Al- Qurthubi (Abu al-'Abbaas Ahmad bin 'Umar bin Abi Ibrahim al-Qurthubi m.656H) pula membuat tajuk bab begini di sini: باب في قوله تعالى إنك لا تهدي من أحببت (Bab Tentang Firman Allah s.w.t.: Sesungguhnya Engkau Tidak Dapat Memberi Pertunjuk Kepada Orang Yang Engkau kasihi). Al-Itsyubi (Muhammad bin 'Ali bin Adam bin Musa) pula membuat tajuk bab ini begini: باب صحة إيمان من كان آخر كلامه من الكفار لا إله إلا الله والنهي عن الاستغفار للمشركين وكون الهداية بيد الله تعالى لا بيد أحد من مخلوقاته ولو نبيا مرسلا أو ملكا مقربا (Bab Sahnya Iman Orang-Orang Kafir Yang Ucapan Terakhirnya ialah لا إله إلا الله Dan Larangan Beristighfar Untuk Orang-Orang Musyrikin Dan Keadaan Hidayah Itu Berada Di Tangan Allah, Bukan Di Tangan Mana-Mana Makhluaknya Walaupun Ia Seorang Nabi Lagi Rasul Atau Malaikat Yang Hampir Dengan Allah). Oleh kerana Imam Muslim sendiri tidak membuat tajuk-tajuk bab di dalam kitabnya ini, maka masing-masing pensyarah membuat tajuk yang difikir sesuai dengan hadits-hadits yang telah tersusun dengan rapi oleh Imam Muslim di dalam Kitab Sahihnya. Ada dua sebab yang selalu disebut-sebut para 'ulama' hadits tentang sebab kenapa imam Muslim sendiri tidak membuat tajuk-tajuk bab di dalam kitabnya ini. Pertamanya ialah beliau tidak sempat membuatnya kerana telah meninggal dunia sebelum menyiapkannya. Keduanya ialah beliau sengaja meninggalkannya untuk memberi kebebasan kepada orang-orang kemudian supaya membuat tajuk-tajuk yang sesuai dengan hadits-hadits yang telah disusun beliau. Namun begitu kebanyakan Syarah Muslim atau Mukhtasar Sahih Muslim yang ditulis oleh 'ulama'-ulama' hadits kemudian mengguna pakai tajuk yang dibuat oleh Imam an-Nawawi di dalam Syarah beliau terhadap Sahih Muslim.

وَالَّذِينَ آمَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَىٰ قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْحَرَمِ { وَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِي أَبِي طَالِبٍ فَقَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ }

22 - Sa'id bin al-Musaiyyab (bin Hazn al-Makhzumi al-Madani) meriwayatkan daripada ayahnya⁹⁶, kata (ayah)nya: Bila Abu Thalib⁹⁷ hampir mati⁹⁸, Rasulullah s.a.w. mengunjunginya. Beliau s.a.w. dapati di sana sudah ada Abu Jahal (nama sebenarnya ialah 'Amar bin Hisyam) dan 'Abdullah bin Abi Umaiyah bin al-Mughirah. Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: "Wahai pakcik! Katakan لا اله الا الله, satu ucapan yang boleh kupergunakan sebagai dasar persaksianku kepadamu di hadapan Allah (nanti)." Tetapi Abu Jahal dan Abdullah bin Abi Umaiyah berkata: "Hai Abu Thalib, adakah engkau sudah benci kepada agama Abdul Mutthalib?" Begitulah Rasulullah s.a.w. terus mengemukakan kalimah itu kepada Abu Thalib dan terus mengulanginya,⁹⁹ sehinggalah

⁹⁶ Al-Musaiyyab bin Hazn bin Abi Wahab al-Makhzumi al-Madani. Al-Musaiyyab dan ayahnya Hazn adalah sahabat Nabi s.a.w. Al-Musaiyyab ada meriwayatkan tujuh hadits. Bukhari dan Muslim sama-sama meriwayatkan dua daripadanya. Selain meriwayatkan hadits terus daripada Nabi s.a.w., beliau juga meriwayatkan hadits daripada Ubai dan Abi Sufyan bin Harb r.a. Hanya anaknya Sa'id sorang sahaja yang telah meriwayatkan hadits daripada beliau. Al-Azdi dan lain-lain huffaz hadits menyebutkan beliau adalah salah seorang perawi yang haditsnya diriwayatkan oleh seorang sahaja perawi. Hakikat ini menolak pendapat al-Hakim yang mengatakan Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkan hadits daripada orang yang hanya seorang perawi sahaja meriwayatkan hadits daripadanya. Boleh jadi maksud beliau ialah dari kalangan selain sahabat. Demikian kata an-Nawawi.

⁹⁷ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang telah beriman atau tidaknya Abu Thalib (nama sebenarnya ialah 'Abdu Manaf). (1) Kebanyakan mereka mengatakan Abu Thalib telah mati sebagai seorang kafir musyrik. Pendapat inilah yang paling tepat kerana bersesuaian dengan al-Qur'an dan sekian banyak hadits sahih. (2) Dalam satu riwayat yang dikemukakan oleh Ibnu Ishaq tersebut 'Abbaas (ketika beliau belum Islam) telah nampak bibir Abu Thalib bergerak-gerak sebelum mati. Beliau pun merapatkan telinganya kepada mulut Abu Thalib dan mendengarnya mengucap, lalu memberitahu perkara itu kepada Nabi s.a.w. Tetapi riwayat Ibnu Ishaq itu tidak sahih. Ia tidak dapat mengalahkan riwayat-riwayat sahih yang menjadi pegangan jumhur 'ulama'.

⁹⁸ Taubat orang yang hampir mati, selagi tidak dalam keadaan naza' mungkin diterima Allah s.w.t. Di dalam sesetengah riwayat tersebut peristiwa ini berlaku dua tiga hari sebelum Abu Thalib naza' tetapi sudah ada tanda-tanda akan mati padanya.

⁹⁹ Kata Qadhi 'Iyaadh, di dalam sesetengah nuskah Sahih Muslim di sini tertulis ويعيدان له bukan ويعيد له. Apa yang tertulis di dalam nuskah yang disebut Qadhi 'Iyaadh itu nampak lebih sesuai dengan keadaan dan suasana perebutan di antara Rasulullah s.a.w. di satu pihak dan Abu Jahal bersama Abdullah bin Abi Umaiyah di satu pihak yang lain dalam memujuk Abu Thalib. Kerana

Abu Thalib berkata di akhir ucapannya bahawa dia berada di atas agama `Abdul Mutthalib dan tidak mahu mengucapkan لا إله إلا الله.¹⁰⁰ Lalu Rasulullah s.a.w. pun berkata: Sesungguhnya demi Allah, aku akan meminta ampun untukmu selagi aku tidak dilarang daripadanya. Selepas itu, Allah menurunkan ayat: Tidaklah patut bagi seseorang Nabi dan bagi orang-orang yang beriman meminta ampun untuk orang-orang musyrikin walaupun mereka itu merupakan sanak saudara yang hampir setelah nyata kepada mereka itu bahawa mereka adalah penghuni neraka. (at-Taubah: 113).¹⁰¹ Dan Allah s.w.t. menurunkan berkenaan dengan Abu Thalib, Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: “Sesungguhnya engkau tidak boleh memberi pertunjuk kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah jualah yang memberi pertunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dia maha mengetahui tentang orang yang diberi pertunjuk.” (al-Qashash: 56).¹⁰²

erti ويعبدان له ialah dan mereka berdua pula terus mengulangi perkataan mereka tadi, iaitu adakah engkau sudah benci kepada agama Abdul Mutthalib?

¹⁰⁰ Kata al-Ubbi, hadits ini merupakan nas yang terang tentang Abu Thalib telah meninggal dunia sebagai seorang musyrik. Itulah juga mafhum firman Allah s.w.t.: إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (Sesungguhnya engkau tidak boleh memberi pertunjuk kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah jualah yang memberi pertunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dia maha mengetahui tentang orang yang diberi pertunjuk) dan sabda Nabi s.a.w. apabila ditanya oleh pakciknyanya `Abbaas: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ نَفَعْتُ أَبَا طَالِبٍ بِشَيْءٍ فَإِنَّهُ كَانَ يَحُوطُكَ وَيَغْضَبُ لَكَ قَالَ نَعَمْ هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ نَفَعْتُ أَبَا طَالِبٍ بِشَيْءٍ فَإِنَّهُ كَانَ يَحُوطُكَ وَيَغْضَبُ لَكَ قَالَ نَعَمْ هُوَ (Bermaksud: “Wahai rasulallah! Apakah ada apa-apa menafa’at yang engkau berikan kepada Abu Thalib? Dia selalu membela dan mempertahankanmu.” Jawab Nabi s.a.w.: “Ada, dia berada di dalam neraka yang tohor (cetek). Kalau tidak kerana aku, niscaya dia berada di tingkatan yang paling bawah dari neraka.” (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Kerana itulah Imam Abu Hanifah di dalam al-Fiqhu al-Akbar dengan jelas menulis Abu Thalib telah mati dalam kekufuran.

¹⁰¹ Ayat ini diturunkan sebagai larangan kepada Nabi s.a.w. dan umatnya daripada beristighfar (meminta ampun) untuk orang yang jelas kafir, walaupun mereka itu ibu bapa atau ahli keluarga yang hampir dan rapat dengan seseorang. Istighfar adalah sesuatu yang khusus dengan orang Islam sahaja.

¹⁰² Imam an-Nawawi berkata: “Para `ulama` Tafsir ijma` tentang ayat ini turun berkenaan dengan Abu Thalib. Walaupun erti umumnya merangkumi semua manusia.” Abu Thalib meninggal dunia tidak lama sebelum Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah. Kata Ibnu Faaris, Abu Thalib meninggal dunia ketika Rasulullah s.a.w. berumur 49 tahun 8 bulan 11 hari. Tiga hari selepas Abu Thalib meninggal dunia, Khadijah pula telah wafat meninggalkan Baginda s.a.w. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Kesungguhan Rasulullah s.a.w. dalam usaha mengislamkan Abu Thalib, bapa saudara Baginda yang telah begitu berjasa dan bersimpati dengan Baginda di sepanjang hayatnya. (2) Kesungguhan Abu Jahal dan kuncukuncunya dalam memastikan Abu Thalib tidak meninggalkan agama nenek moyangnya. (3) Ucapan لا إله إلا الله adalah satu ucapan yang sangat bererti untuk menyelamatkan seseorang di akhirat nanti. (4) Abu Thalib telah meninggal dunia sebagai seorang kafir musyrik. (5) Tidak harus beristighfar untuk orang kafir, walaupun ia seorang yang paling hampir dan rapat dengan anda. (6) Hanya Allah dapat memberi pertunjuk kepada seseorang manusia. Tidak ada siapapun selainNya dapat memberi pertunjuk kepada seseorang, baik ia seorang nabi lagi rasul atau

٢٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَمِّهِ قُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ لَكَ بِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ لَوْلَا أَنْ تُعَيِّرَنِي قُرَيْشٌ يَقُولُونَ إِنَّمَا حَمَلَهُ عَلَى ذَلِكَ الْجَزَعُ لَأَقْرَرْتُ بِهَا عَيْنَكَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ {إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ}.

23- Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. berkata kepada paksiknya (Abu Thalib): “Ucapkanlah لا إله إلا الله yang boleh kujadikan sebagai dasar persaksianku untukmu pada hari kiamat (nanti).” Abu Thalib berkata: “Kalau bukan kerana aku takut orang-orang Quraisy akan mencela daku dengan berkata: “Yang mendorongnya mengucap itu hanyalah kegelisahan hampir mati, niscaya aku menggembirakanmu dengannya (kuturut apa yang engkau kata).”¹⁰³ Lalu Allah menurunkan ayat: إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ (Sesungguhnya engkau tidak boleh memberi pertunjuk kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah jua yang memberi pertunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki).¹⁰⁴

بَابُ الدَّلِيلِ عَلَى أَنَّ مَنْ مَاتَ عَلَى التَّوْحِيدِ دَخَلَ الْجَنَّةَ قَطْعًا

*Bab Bukti Tentang Orang Yang Mati Di atas Tauhid Itu Pasti Masuk Syurga.*¹⁰⁵

malaikat yang hampir dengan Allah. (7) Keharusan beristighfar untuk orang-orang Islam sama ada yang masih hidup atau yang telah mati. Sama ada ia keluarga atau bukan keluarga. (8) Yang menentukan keselamatan seseorang di akhirat nanti ialah 'aqidah yang sahih. (9) Iman, Islam dan syahadah seseorang yang hampir mati diterima Allah selagi ia tidak berada dalam keadaan naza'. (10) Hadits 22 ini menunjukkan datuk Nabi s.a.w. 'Abdul Mutthalib juga merupakan seorang musyrik seperti Abu Thalib. Beliau juga meninggal dunia dalam kekufuran. **Selain Muslim hadits ini** diriwayatkan juga oleh Bukhari, Ahmad dan Nasaa'i.

¹⁰³ Jadi antara perkara yang menyebabkan Abu Thalib enggan bersyahadah dan memeluk agama Islam berdasarkan hadits ini ialah dia takut akan dicela oleh orang-orang Quraisy.

¹⁰⁴ Selain Muslim, Ahmad, Tirmizi dan Abu Ya'la juga ada meriwayatkan hadits ini di dalam kitab mereka masing-masing. Hadits ini dikemukakan sebagai syahid oleh Muslim bagi hadits Musaiyyab yang tersebut sebelumnya.

¹⁰⁵ Beginilah tajuk bab yang dibuat an-Nawawi dan as-Sanusi. Tajuk yang dibuat Al-Ubbi di sini ialah: باب أحاديث من مات وهو يعلم أن لا إله إلا الله دخل الجنة (Bab Hadits-Hadits Tentang Orang Yang Mati Dalam Keadaan Dia Sedar Dan Yakin Bahawa Tiada Tuhan Yang Lain Melainkan Allah Pasti Masuk Syurga). Menurut al-Itsyubi, di dalam sesetengah nuskah Sahih Muslim tajuk bab di sini adalah begini: باب من لقي الله بالإيمان وهو غير شك فيه دخل الجنة وحرم على النار (Bab Orang Yang